



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 7/1996
KELULUSAN PERMOHONAN BANTUAN KEWANGAN MELEBIHI 30 PERATUS
DARIPADA JUMLAH LEVI YANG DIBAYAR OLEH MAJIKAN BAGI SESUATU
TAHUN

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan bahawa mulai tahun 1997, jumlah bantuan kewangan melebihi 30 peratus daripada jumlah levi yang dibayar oleh majikan bagi sesuatu tahun boleh dipertimbangkan. Peraturan baru ini bertujuan menggalakkan majikan mempergiatkan lagi latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja mereka.

- 1.2 Pembayaran kepada tuntutan bantuan kewangan bagi amaun diluluskan yang melebihi dari jumlah levi sesuatu tahun akan menggunakan levi yang telah dibayar bagi tahun berikutnya. Ini bermakna tuntutan berkenaan hanya akan dibayar dalam tahun berikutnya.

2. PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN PERMOHONAN BANTUAN KEWANGAN

- 2.1 Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia diwujudkan oleh kerajaan adalah untuk menggalakkan majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Tenaga pekerja yang terlatih, berkemahiran, berpengetahuan akan membantu meningkatkan kualiti, produktiviti dan berdaya saing. Untuk tidak menghalang usaha majikan melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja, Majlis membenarkan majikan mendapatkan kelulusan bantuan kewangan melebihi 30 peratus melebihi dari jumlah levi yang dianggarkan dibayar oleh majikan bagi sesuatu tahun. Sungguh pun demikian, pembayaran tuntutan bagi amaun 30 peratus berkenaan hanya dibayar dalam tahun berikutnya daripada levi yang aka dibayar nanti.

- 2.2 Majikan adalah dinasihatkan supaya merancang dengan rapi kursus yang hendak dilaksanakan dan membuat anggaran kos latihan dengan tepat supaya bantuan kewangan yang dipohon dan diluluskan dapat diselarikan dengan jumlah levi yang dibayar oleh majikan. Permohonan yang melebihi dari had 30 peratus berkenaan tidak akan diberi pertimbangan dan akan dikembalikan.

- 2.3 Majikan juga dinasihatkan supaya menghubungi Majlis dengan segera bagi kursus yang telah diluluskan tetapi dibatalkan dan kursus yang ditangguhkan perlaksanaan ke tahun hadapannya bagi membolehkan Majlis mengemaskinikan rekod mengenai bantuan kewangan yang telah diluluskan. Ini akan mengelakkan dari berlakunya permohonan yang melebihi 30% oleh majikan dikembalikan tanpa diberi pertimbangan.

3.PENUTUP

3.1 Majlis berharap dengan keputusan ini, majikan akan meningkatkan lagi aktiviti melatih pekerja supaya tahap kemahiran mereka dapat ditingkatkan yang akan membantu majikan lebih berdaya saing dan berdaya maju.

Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya Yang Menurut Perintah.

(RUSNAN BIN SAMAT)
Pengarah,
Bahagian Geran Latihan,
b.p Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

